

# **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**

**01 OGOS 2025**

### **Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan indeks dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 03 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:  
  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Bagi Bahagian B dan C, mulakan setiap jawapan pada lembaran baharu kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\***

## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

1. Jawatan diiklankan mengikut Bab 7(a) dalam Perintah Am – siapakah yang layak memohon?
  - a. Semua Warganegara dan Pegawai Kerajaan
  - b. Hanya Pegawai Tetap dan Warganegara Sah Permit
  - c. Hanya Pegawai Kontrak
  - d. Penduduk Asing Berlesen
  
2. Awang Haji Durahziman bin Rahim, Pembantu Makmal telah dilahirkan sebelum 1 Januari 1941 dan tiada dokumen penuh. Sistem menetapkan tarikh lahir baharu sebagai:
  - a. 1 Januari tahun lahir
  - b. 31 Disember tahun lahir
  - c. Tarikh mula perkhidmatan rasmi
  - d. Tarikh pendaftaran permohonan
  
3. Apakah umur minimum layak menerima bayaran Simpanan Persaraan Caruman Tambahan (SCP) secara bulanan (anuiti) untuk tempoh yang dipilih, biasanya 10, 15, atau 20 tahun, atau boleh memilih untuk mengeluarkan simpanan secara penuh?
  - a. 58 tahun
  - b. 59 tahun
  - c. 60 tahun
  - d. Selepas akhir kontrak perkhidmatan
  
4. Pegawai mengambil cuti tahunan melebihi 30 hari, jenis kemudahan manakah yang tidak dibayar dalam tempoh tersebut?
  - a. Elaun Sara Hidup
  - b. Elaun Perjalanan Tetap
  - c. Elaun Perumahan
  - d. Elaun Perkhidmatan Luar Bandar
  
5. Di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggali 83), jika pegawai tinggal di luar negara tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan, tindakan tatatertib boleh termasuk:
  - a. Cuti Khas melalui Kedutaan Negara Brunei Darussalam / Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam
  - b. Amaran lisan sahaja
  - c. Dibuang kerja tanpa siasatan lanjut
  - d. Denda bulanan sahaja

6. Surat rasmi antara Setiausaha Tetap dan Jabatan dalam Kementerian yang sama seharusnya dihantar dalam format:
  - a. Surat rasmi bergelar
  - b. Memorandum
  - c. E-mel rasmi sahaja
  - d. Surat menyurat berpangkat tinggi
  
7. Umur persaraan mandatori Pegawai Tetap di bawah Skim TAP/SCP adalah:
  - a. 58 tahun
  - b. 59 tahun
  - c. 60 tahun
  - d. Tiada had umur
  
8. Kadar gaji yang dibayar bagi cuti bersalin selama 105 hari adalah:
  - a. Gaji penuh
  - b. 2/3 gaji
  - c. Gaji pokok sahaja
  - d. Separuh gaji dan elaun tetap
  
9. Yang manakah **bukan** fokus Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21:
  - a. Dasar
  - b. Rujun Akhlak dan Etika Kerja
  - c. Struktur Organisasi
  - d. Perlakuan Organisasi
  
10. Dayang Lailathul binti Kasim, Pegawai Kakitangan disokong menjalani latihan luar negara lebih satu (1) tahun yang masih menikmati kemudahan perumahan rasmi akan dikenakan:
  - a. Kebenaran terus diberikan
  - b. Elaun ditolak, rumah kekal milik kerajaan
  - c. Rumah dikongsi dengan pegawai lain
  - d. Kelayakan perumahan rasmi dibatalkan
  
11. Had masa pegawai yang kekal pada gaji maksimum sebelum mohon '*Extra Increment*' yang dikenali sebagai EB Khas ialah:
  - a. 1 tahun
  - b. 2 tahun
  - c. 3 tahun
  - d. 4 tahun
  
12. Pegawai disiasat atas tuduhan rasuah boleh ditahan gaji sehingga:
  - a. 100%
  - b. 50%
  - c. 25%
  - d. Tiada pemotongan gaji

13. Tempoh maksimum berturut-turut Cuti Sakit dari klinik swasta tanpa perlu pengesahan kerajaan ialah:
- 1 hari
  - 2 hari
  - 3 hari
  - 5 hari
14. Cuti pendahuluan maksimum bagi pegawai berumur 42 tahun untuk menemani pesakit menerima rawatan luar negara atas biaya kerajaan ialah:
- 36 hari
  - 40 hari
  - 48 hari
  - 50 hari
15. Jenis dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh JPA untuk dasar dan pentadbiran termasuk:
- Surat Pemberitahuan
  - Surat Keliling
  - Arahan Perkhidmatan melalui Surat dan Memorandum
  - Ketiga-tiga di atas
16. Jika pegawai yang dijemput tidak hadir ke **Majlis Sambutan Hari Kebangsaan** sebanyak dua (2) kali tanpa alasan yang munasabah, tindakan yang boleh diambil Ketua Jabatan ialah:
- Tindakan tatatertib drastik
  - Teguran dan ingatan keras secara bertulis atau dicatat dalam rekod perkhidmatan
  - Potongan gaji serta merta
  - Sesi kaunseling wajib
17. Elaun Memangku jawatan diberikan ialah:
- $\frac{1}{4}$  daripada gaji jawatan dipangku
  - $\frac{1}{3}$  daripada gaji jawatan dipangku
  - $\frac{1}{2}$  daripada gaji pegawai semasa
  - Gaji penuh jawatan dipangku
18. Jumlah peratus markah untuk status **Cemerlang** ialah:
- 90-100%
  - 85-95%
  - 91-100%
  - 95-100% sahaja

19. Bonus tahunan bagi Pegawai Kontrak Asing dalam Bahagian III, IV dan V ialah:
- 10% daripada gaji kasar
  - 150% daripada gaji pokok
  - 1 bulan gaji penuh
  - Hanya Elaun Khas, tiada bonus
20. Elaun Pelajaran dalam negara diberikan kepada anak pegawai berumur antara:
- 4-18 tahun
  - 5-25 tahun
  - 6-24 tahun
  - Tiada had umur
21. Di mana setiap warga perkhidmatan akan bertanggungjawab mematuhi peraturan berkaitan tata kelakuan dan tatatertib, siapakah pihak berkuasa tatatertib bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan berjawatan tetap?
- Ketua Jabatan
  - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
22. Kuasa meluluskan **Cuti Tanpa Gaji <30 hari** bagi menemani ahli keluarga adalah pada:
- JPA
  - Menteri berkenaan
  - Ketua Setiausaha
  - Ketua Jabatan
23. Kadar Elaun Rumah Ke Pejabat bagi jarak >4.5 km tetapi ≤9.5 km ialah:
- \$30.00
  - \$37.00
  - \$45.00
  - \$27.00
24. Ahli Skim TAP boleh mengeluarkan sehingga 45% dari akaun untuk tujuan:
- Bayar hutang peribadi
  - Pembelian kereta rasmi
  - Pembelian/pembinaan rumah
  - Yuran pendidikan anak
25. Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 7/2011 menyatakan pindaan kepada pemberian Elaun Tambang pulang setiap 10 tahun untuk pegawai bergaji >\$1,930 dihentikan mulai:
- 1 Januari 2017
  - 1 Januari 2020
  - 1 Julai 2018
  - 1 Disember 2016

26. Latihan luar negara tidak melebihi 30 hari termasuk dalam kategori:
- Latihan wajib
  - Kursus separuh masa
  - Latihan jangka pendek
  - Latihan insentif khas
27. Bagi Pegawai yang gagal mengosongkan rumah sewa Kerajaan dalam tempoh yang dibenarkan, tindakan ialah:
- Notis perpindahan rasmi
  - Kadar sewa biasa kekal
  - Lanjutan tempoh enam (6) bulan
  - Kadar bayaran sewa rumah dan perabot yang sebenar ditanggung kerajaan akan dikenakan
28. Akta Rahsia Rasmi, Bab 5, memperuntukkan hukuman maksimum bagi melanggar Akta ini dan jika sabit kesalahannya, iaitu:
- Penjara enam (6) bulan atau denda \$1,000
  - Penjara tidak lebih dua (2) tahun
  - Gantung kerja satu (1) tahun serta-merta
  - Pemotongan gaji sewenang-wenangnya
29. Had maksimum Elaun Memangku bagi mana-mana keadaan ialah:
- $\frac{1}{2}$  daripada gaji jawatan dipangku
  - Tidak melebihi separuh daripada gaji pokok jawatan dipangku
  - Bergantung kepada bajet Jabatan
  - Budi bicara Ketua Jabatan
30. Surcaj kepada jumlah pembayaran yang dikenakan berikutan perakuan yang tidak betul ialah:
- 50%
  - 100%
  - 75%
  - 25% sahaja

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi 10 soalan. Calon dikehendaki menjawab **tujuh (7) soalan sahaja** dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 9/2017, Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan satu dasar iaitu **Garis Panduan Melaksanakan Surcaj Dalam Perkhidmatan Awam** mengenai proses pengenaan surcaj dikenakan ke atas pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang gagal mematuhi peraturan, sehingga menyebabkan kerugian kewangan Kerajaan, berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan tata tertib yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam. Sila berikan penerangan mengenai perkara berikut:

1. Terangkan **lima (5)** dari lapan (8) **TAFSIRAN**:
  - a. Pegawai dan kakitangan yang telah dipertanggungjawabkan
  - b. Pegawai Pengawal
  - c. Pegawai Perkiraan
  - d. Peraturan Kewangan
  - e. Surcaj
  - f. Wang Negara
  - g. Barang-Barang Setor
  - h. *Value For Money*
  
2. Terangkan **dua (2)** dari empat (4) **OBJEKTIF MELAKSANAKAN SURCAJ**

### BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon dikehendaki menjawab **dua (2) soalan sahaja** daripada tiga (3) soalan.

#### Soalan 1

Awg Haji Mohd Azri bin Abd Rahman, seorang Pegawai Kewangan di Jabatan Perbendaharaan, telah menggunakan kenderaan Jabatan (Toyota Land Cruiser) untuk tujuan peribadi, iaitu menghantar anak-anaknya ke sekolah dan membeli barangan dapur selepas waktu kerja. Tindakan ini dilakukan beberapa kali dan disaksikan oleh pegawai lain. Aduan rasmi telah dibuat kepada Ketua Jabatan. Sila jawab soalan-soalan berikut.

1. Terangkan apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Awg Haji Mohd Azri?  
**(4 Markah)**
2. Nyatakan tindakan tatatertib yang boleh dikenakan.  
**(6 Markah)**
3. Nyatakan apakah langkah pencegahan yang boleh diambil oleh jabatan?  
**(2½ Markah)**
4. Apakah implikasi atau kesan dari perbuatan tersebut terhadap integriti dan imej Jabatan Perbendaharaan?  
**(2 Markah)**
5. Apakah penambahbaikan dasar yang boleh diambil untuk mengelakkan salah guna kenderaan jabatan oleh pegawai?  
**(3 Markah)**

## Soalan 2

Awg Md Khairul Anuar bin Abd Latif telah berkhidmat dalam Skim Pekerja Tingkat I secara Bergaji Hari selama lebih enam (6) tahun di bawah Kementerian Pembangunan. Dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini, laporan penilaian prestasi beliau adalah Baik (gred C) dan beliau telah lulus pemeriksaan kesihatan serta tapisan keselamatan. Namun, pihak Kementerian menghadapi kekeliruan sama ada beliau layak diserapkan ke Perkhidmatan Tetap, terutama setelah dasar baharu penyerapan dikuatkuasakan. Sila jawab soalan-soalan berikut.

1. Nyatakan nama Surat Pekeliling yang mengawal dasar penyerapan kakitangan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap dan sebutkan lima (5) syarat utama bagi melayakkan seseorang kakitangan diserapkan.  
**(5½ Markah)**

2. Bilakah dasar penyerapan ini dikuatkuasakan secara rasmi dan apakah tiga (3) skim perkhidmatan yang terlibat?  
**(4 Markah)**

3. Apakah tempoh percubaan yang dikenakan kepada kakitangan Bahagian IV dan Bahagian V apabila dilantik ke Perkhidmatan Tetap?  
**(3 Markah)**

4. Setelah pelaksanaan dasar penyerapan ini, apakah tatacara baharu pengambilan (*new recruitment*) ke Perkhidmatan Bergaji Hari?  
**(2 Markah)**

5. Nyatakan kedudukan pegawai dalam Perkhidmatan Bergaji Hari seperti berikut: Sekiranya pegawai tidak memenuhi syarat untuk dilantik ke Perkhidmatan Tetap?  
**(3 Markah)**

**Soalan 3**

1. Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 1/2011, sila terangkan syarat-syarat pemberian Cuti Beranak untuk pegawai wanita termasuk tempoh cuti dan tatacara pembayaran gaji.
  - a. Syarat-Syarat Am Cuti Beranak
  - b. Tempoh Cuti
  - c. Tatacara Pembayaran Gaji

**(9 Markah)**
  
2. Nyatakan Surat Keliling yang mengawal peraturan Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) dan tiga (3) syarat am.

**(5 Markah)**
  
3. Sebutkan dua (2) definisi 'penyakit ringan' menurut dasar pelaksanaan CSDS.

**(3½ Markah)**